



DR Mohd Harun (dua dari kiri) menyerahkan MoU kepada Ahmad Hizzad.

UMS rancang tawar kursus minyak, gas

DE 17.5.2013 7

Jason Santos

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk menawarkan kursus sijil dan diploma tentang minyak dan gas selewat-lewatnya September tahun depan di kampus antarabangnya di Labuan.

Naib Canselor Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pada Rabu lalu, kursus yang bakal diperkenalkan itu adalah sebahagian daripada rancangan untuk memperluaskan usahasama bijak antara UMS dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

Itu adalah satu usahasama yang dimekakan oleh kedua-dua entiti itu pada Jun 2000.

Buat masa ini, Dr Mohd Harun berkata kursus berkenaan kini dalam peringkat akhir perbincangan peringkat fakulti.

Bagaimanapun, ia masih memerlukan kelulusan daripada Senat UMS dan paling penting sekali, Kementerian Pengajian Tinggi, jelasnya.

"Kami sedang berbincang dengan Labuan FSA untuk kursus yang akan ditawarkan di Labuan.

"Ia adalah untuk memanfaatkan peluang dalam industri berkenaan kerana terdapat banyak syarikat minyak yang terletak di Wilayah Persekutuan, yang kami dan PBPK Labuan ingin manfaatkan bersama," katanya selepas upacara penandatanganan kerjasama yang diperbaharui antara UMS-Labuan FSA, di sini, Rabu lalu.

Beliau menambah, untuk pengambilan pertama UMS mungkin menghadkan bilangan pelajar kepada antara 30 dan 50, kerana institusi itu masih perlu mengkaji semua aspek kursus.

Buat masa ini, Kampus Antarabangsa Labuan UMS (UMSKAL) hanya mempunyai dua sekolah utama iaitu, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Maklumat Labuan (SSIL).

Dalam perkembangan lain, UMS dan Labuan FSA telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) baru yang bertujuan mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi pembangunan kapasiti dan keupayaan pelajar.

MoU itu akan mengukuhkan hasrat kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, program penempatan kerja, anugerah kajian, tajaan, program pelatih dan latihan pengurusan melalui satu program usahasama bijak.

Ketua Pengarah Labuan FSA Ahmad Hizzad Baharuddin berkata ada kalanya pelajar UMS diserap ke dalam syarikat di Labuan sebagai bakal tenaga kerja masa depan.

"Salah satunya mengatakan mereka mengambil kira-kira 20 graduan ... dan ia merangkumi pelajar yang menunjukkan pencapaian pendidikan cemerlang," katanya.

Beliau menggambarkan UMS sebagai satu platform dalam menyediakan tenaga kerja masa depan dalam bidang berkaitan.